


Memupuk Rasa Kebersamaan dalam Masyarakat Majmuk Singapura

DENGAN adanya ruang dalam kehidupan dan budaya setiap kaum yang dapat dikongsi bersama, akan dapat menjamin keutuhan sebuah negara berbilang kaum daripada dirobekkan oleh anasir-anasir yang inginkan perpecahan



Oleh RUDY HERMAN SINEN

TANGGAL 21 Julai setiap tahun adalah hari yang istimewa buat para pelajar sekolah. Pada hari itu setiap pelajar daripada pelbagai peringkat digalakkan berpakaian etnik kaum lain. Pelajar Melayu akan berpakaian tradisional Cina atau India dan begitulah sebaliknya bagi kaum Cina dan India.

Hari istimewa ini merupakan Hari Keharmonian Kaum (*Racial Harmony Day*). Sambutan besar-besaran akan dianjurkan di setiap sekolah demi memperingati dan menghargai betapa pentingnya memupuk dan mengekalkan keharmonian antara kaum di kalangan rakyat.

Tarikh 21 Julai dipilih kerana pada tarikh 21 Julai 1964 tercetus rusuhan kaum yang mengerikan, yang menggugat keamanan negara Singapura. Konsep Hari Keharmonian Kaum ini disimpulkan secara padat oleh Menteri Pendidikan, Laksamana

Pertama (Kerahan) Teo Chee Hean,

"Ia merupakan hari untuk kita kenang kembali dan mengambil iktibar kejadian rusuhan kaum yang kita alami pada tahun 1964. Hari Keharmonian Kaum menekankan pentingnya mengekalkan hubungan yang baik antara pelbagai kaum dan mengingatkan kita supaya tidak menganggap keharmonian kaum yang kita nikmati dengan sambil lewa sahaja."

Walaupun Hari Keharmonian Kaum adalah untuk seluruh rakyat Singapura, sambutan gemilang biasanya dianjurkan di setiap sekolah di republik ini. Sekolah Rendah Unity di Choa Chu Kang menganjurkan persembahan peralatan muzik Melayu, tarian India, serta opera Cina. Sekolah juga mengadakan sebuah pameran interaktif yang memaparkan budaya kaum-kaum utama. Seperti yang dilaporkan

di saluran Channel NewsAsia, Brenda Lee, 10, tidak tahu-menahu mengenai muzik tradisional Melayu dan India. Tetapi setelah menghadiri pameran peralatan muzik tradisional di sekolahnya itu, dia berkata,

"Saya suka bunyi Kompang 'pak, pak, pak'. Saya mahu belajar cara menggunakannya."

Sementara itu, di Maktab Rendah Tampines, satu acara sukan permainan tradisional besar-besaran dianjurkan pada hari yang sama. Acara sukan itu dihadiri oleh seramai lebih 1 200 orang murid-murid dari pelbagai sekolah di kawasan Timur Singapura.

Pada program yang dinamakan Hari Sukan Keharmonian Kaum (*Racial Harmony Games Day*), para pelajar diperkenalkan dengan pelbagai permainan tradisional dari pelbagai kaum. Program tersebut bertujuan mengukuhkan keharmonian kaum di sekolah-sekolah dan memperkenalkan budaya

melalui permainan tradisional kaum masing-masing.

Bulatan yang Bertindih

Sebagai sebuah negara yang sumber aslinya hanya manusia, keutuhan, dan perpaduan di kalangan rakyat sangat penting untuk kemakmuran negara. Sepanjang hampir 40 tahun merdeka, Singapura telah berjaya menyediakan kehidupan yang bertaraf dunia kepada rakyatnya. Kini hampir 80% rakyat Singapura memiliki rumah sendiri, berpendidikan sekurang-kurangnya peringkat "O" dan mempunyai sebilangan besar tenaga kerja yang berkemahiran tinggi.

Wujudnya pelbagai kaum di Singapura bolehlah diibaratkan seperti bulatan-bulatan yang bertindih (*overlapping circles*). Sebahagian dari bulatan itu wujud dengan sendirinya sementara sebahagian lagi bertindih dengan bulatan yang lain. Seperti bahagian bulatan yang tidak bertindih, setiap kaum mempunyai amalan tradisi yang tersendiri dan memang sewajarnya dikekalkan demi keutuhan bangsa itu sendiri.

Namun, sebagai sebahagian daripada anggota sebuah masyarakat yang berbilang kaum, setiap kaum itu mesti meninjau keluar dari lingkungan bangsa dan agama mereka masing-masing. Di bahagian mana yang boleh kita jalin titik persamaan dan membina rasa kebersamaan, maka sudah sepatutnyalah digalakkan. Dengan adanya ruang dalam kehidupan dan budaya setiap kaum yang dapat dikongsi bersama, akan dapat menjamin keutuhan sebuah negara berbilang kaum daripada dirobekkan oleh anasir-anasir yang inginkan perpecahan.

Menurut contoh tadi, bahagian bulatan yang bertindih itulah bahagian yang dapat setiap kaum bekerjasama dan menguat-muatkannya antara satu sama lain. Ia perlu dikuatkan oleh jalinan sosial yang kukuh melalui proses mengenali dan memahami budaya dan agama masing-masing. Setiap kaum harus memandang luar dari lingkungan kaum mereka agar kita dapat meninjau dari sudut yang kita dapat membantu kaum

